

Sokongan padu kepada Musa

PERGERAKAN Pemuda Umno menyatakan sokongan padu kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, dalam melaksanakan dasar pendidikan yang diputuskan pucuk pimpinan negara.

Sokongan itu dinyatakan Ketua Penerangan Pemuda Umno, Azimi Daim, sewaktu menyampaikan usul ucapan terima kasih kepada ucapan dasar Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Serentak itu, beliau turut membidas pihak yang mengemukakan undi tidak percaya kepada Musa serta menyifatkan tindakan itu samalah seperti ditujukan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun Kementerian Pendidikan tiada kaitan dengan menternak kambing hitam, mengapa pula menerinya hendak dijadikan sedemikian? Ini adalah isu negara. Keputusan pemimpin.

"Menolak keputusan pemimpin dengan mengusulkan undi tidak percaya kepada menteri bererti usul tidak percaya kepada Perdana Menteri, kepada kepimpinan tinggi negara," katanya.

Bagaimanapun, Azimi mendesak Musa supaya mempercepatkan penubuhan Fakulti Perubatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang akan menjadi lambang kebanggaan orang Melayu.

Katanya, Pemuda Umno

mahu melihat kewujudan fakulti berkenaan yang bakal mendidik 100 peratus pelajar Melayu dalam bidang perubatan.

"Tolong! Apa keadaan pun, tolong Tan Sri. Kita nak tengok 100 peratus lulusan anak Melayu yang akan kembali berkhidmat di kampung dan mengebang inillah jasa dan perjuangan Pemuda Umno untuk anak bangsa. Kalau tak ada duit, kita buat dana lagi," katanya.

Beliau memetik ingatan

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno supaya is pendidikan dibincangkan secara bijak, rasional sert mengambil kira setiap elemen yang ada di sekeliling.

Katanya, Melayu era baru mesti membebaskan diri daripada tembok yang mengelilingi mereka, tidak membabi buta dan secara emosi menganggap keputusan pemimpin negara dalam bidang pendidikan sebagai pencabulan hak istimewa orang Melayu.